



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI

SIARAN MEDIA

SUNTIK SEMANGAT KEBERSAMAAN, KUSKOP DAN AGENSI SERAH 23 EKOR LEMBU KORBAN RINGKANKAN BEBAN KOMUNITI

PAPAR, 24 Mei – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) bersama-sama agensi di bawahnya terus memperkukuh agenda kebajikan dan keterangkuman sosial menerusi penyerahan sumbangan 23 ekor lembu korban sempena sambutan Hari Raya Aidiladha 1447H/2026.

Kesemua 23 ekor lembu korban berkenaan merupakan komitmen bersama daripada lima agensi strategik KUSKOP iaitu Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), TEKUN Nasional, Bank Rakyat, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan ANGKASA. Sumbangan ini akan diagihkan kepada 23 buah masjid dan surau terpilih di sekitar kawasan Bongawan dan Membakut untuk pelaksanaan ibadah korban, sekali gus memanfaatkan golongan yang memerlukan di kawasan berkenaan.

Sumbangan korporat tersebut diserahkan secara simbolik oleh YB Datuk Mohamad bin Alamin, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, dalam satu majlis yang berlangsung di Kimanis Centro, Papar, Sabah hari ini.

YB Datuk Mohamad bin Alamin berkata, inisiatif kebajikan ini merupakan manifestasi keprihatinan berterusan KUSKOP dalam menyantuni masyarakat, khususnya komuniti luar bandar dan golongan kurang berkemampuan yang terkesan oleh cabaran kos sara hidup impak daripada Krisis Bekalan Global.

“Ibadah korban bukan sekadar simbolik pengorbanan keagamaan, malah ia merupakan platform strategik untuk mempererat ukhuwah, memupuk budaya berkongsi rezeki, serta memperkukuh integrasi antara agensi kerajaan, kepimpinan tempatan dan komuniti akar umbi,” katanya.

Menurut beliau lagi, langkah ini mencerminkan komitmen padu KUSKOP dalam menterjemahkan nilai ihsan dan kesejahteraan selari dengan aspirasi Malaysia MADANI, bagi memastikan tiada golongan yang tercicir daripada menikmati arus pembangunan dan pembelaan kebajikan.

KUSKOP akan terus konsisten mempromosikan pendekatan berteraskan impak sosial dan semangat kebersamaan. Sinergi antara agensi kerajaan dan masyarakat mampu memperkukuh kesejahteraan rakyat serta memastikan manfaat pembangunan dapat dinikmati secara menyeluruh.

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
24 MEI 2026**